

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PERASMIAN SELANGOR PUBLIC INTEGRATED SERVICES (SPINS) SEMPENA PELANCARAN WI FI PERCUMA

Pada 29 Februari 2012, telah berlangsungnya Majlis Perasmian Selangor Public Integrated Services (Spins) sempena pelancaran WI FI percuma telah dilancarkan antara Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan Syarikat BETA EXCELSIOR Sdn Bhd. Pelancaran ini telah dirasmikan oleh Datuk Bandar MBPJ, YBhg Dato' Hj Mohamad Roslan Bin Sakiman. Pelancaran ini dilancarkan di Dewan Serbaguna PJS 2C/6, Taman Dato' Harun, Petaling Jaya.

Dalam majlis ini, Pengarah Urusan Kumpulan Wireless One Holdings, En Abdul Majid Rana Nawaz dan Datuk Bandar MBPJ telah mendaftarkan MOU. Perjanjian ini disaksikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Tan Sri Dato' Seri Khalid Ibrahim dan YB Puan Rodziah Binti Ismail yang juga merupakan Ahli Exco Merangkap Penggerusi Jawatankuasa Tetap kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi, dan Inovasi.

Projek usahasama ini merupakan insiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk memberikan kemudahan WI FI percuma kepada rakyat Selangor. MBPJ telah dipilih sebagai kawasan pentadbiran perintis dalam projek ini. Sebanyak 200 rangkaian WI FI telah dibinakan untuk dinikmati oleh semua rakyat di Petaling Jaya dengan jumlah kos sebanyak RM40 Juta.

Perkhidmatan WI FI percuma ini adalah bertujuan untuk membantu rakyat yang kurang berkemampuan untuk melayari perkhidmatan ini secara percuma. Selain itu, ia juga memberi peluang kepada rakyat untuk mempertingkatkan ilmu dalam bidang teknologi dan juga memberi peluang kepada rakyat untuk berkomunikasi secara meluas.

BETA EXCELSIOR telah membina tiang pelbagai guna (Monopoles) untuk menyediakan perkhidmatan ini. Tiang-tiang ini boleh berhubung terus dengan pusat

kawalselia yang bertempat di MBPJ. Sekaligus ini boleh membantu BETA EXCELSIOR dan MBPJ memantau sebarang masalah yang akan berlaku. Alatan penggunaan yang digunakan oleh BETA EXCELSIOR adalah peralatan sistem berteknologi terkini yang diperbuat dari Australia. Oleh itu, penggunaan alatan ini mampu meningkatkan tahap teknologi setaraf dengan bandaraya membangun di Negara lain.

Di sediakan oleh:

**Sekretariat Media
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : pjcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my
Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884,
ahmadiskandar@mbpj.gov.my